



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMINDAHAN BAHASA DALAM PROSES PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

NOOR AINA BINTI DANI

FBMK 1996 2



**PEMINDAHAN BAHASA DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA
MELAYU PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

Oleh

NOOR AINA BINTI DANI

**Disertasi yang dikemukakan untuk Memenuhi
Syarat bagi Mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah
di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia.**

Jun 1996



**Untuk Suamiku Hasnan serta Anak-anakku
Reezal dan Rastina**



PENGHARGAAN

Penyelidik bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah hidayat-Nya maka penyelidik dapat menyiapkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan yang ulung penyelidik tujukan kepada Universiti Pertanian Malaysia yang telah menaja biasiswa penyelidik di bawah Program Skim Latihan Akademik Bumiputera.

Penyelidik turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood, Ketua Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden UPM (selaku Pengerusi), Profesor Dr. Haji Amat Juhari Moain, Dekan Fakulti Bahasa Moden UPM, Profesor Madya Datin Dr. Sharifah Mohd. Noor dan Dr. Sali Zaliha Mustapha (selaku ahli jawatankuasa) kerana tunjuk ajar, teguran dan bimbingan mereka terhadap kerja menyiapkan disertasi ini dari awal hingga akhir.

Selanjutnya, ucapan terima kasih penyelidik tujukan kepada semua pihak yang telah membantu prosedur penyelidikan ini, terutama:

Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Kinarut, Sekolah Menengah Benoni, Sekolah Menengah St. Mary, Sekolah Menengah St. Joseph, dan Sekolah Menengah Majakir di daerah Papar, Sabah.

Pelajar-pelajar tingkatan empat bagi tahun 1995 di sekolah-sekolah yang berkenaan kerana memberi kerjasama yang sangat tinggi nilainya, juga mereka yang namanya tidak sempat penyelidik nyatakan di sini satu demi satu.

Wassalam.

"BERILMU BERBAKTI"

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB	
I	
PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	2
Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Melayu di Sabah	2
Asal-usul Kaum Dusun di Sabah	6
Sistem Fonologi Bahasa Dusun Papar	13
Sistem Morfologi Bahasa Dusun Papar	19
Sistem Sintaksis Bahasa Dusun Papar	41
Hubungan Kekeluargaan Bahasa Melayu dengan Bahasa Dusun	49
Pernyataan Masalah	56
Kepentingan Kajian	64
Objektif Kajian	67
Skop Kajian	68
Definisi Operasional	69
Pemindahan Bahasa	69
Pembelajaran Bahasa Melayu	69
Pelajar-pelajar Dusun	69
II	
SOROTAN LITERATUR	70
Kajian Umum tentang Pemindahan Bahasa	71
Kajian tentang Penukaran Kod	94
Kajian tentang Percampuran Kod	112
Kajian tentang Peminjaman Kata	127
Kajian tentang Sistem Tatabahasa <i>Interlanguage</i>	136



Muka Surat

Kajian tentang Dialek	156
Kajian tentang Teori	168
Teori Monitor	168
Teori Analisis Kesilapan	193
III METODOLOGI	211
Reka Bentuk Kajian	211
Kerangka Teori	211
Kerangka Konsepsi	226
Tempat Kajian	227
Populasi dan Persampelan	228
Subjek Kajian	232
Kaedah Kajian	232
Pendekatan Kajian	235
Pembolehubah Kajian	237
Alat Kajian	238
Soal Selidik	238
Ujian Karangan	239
Modul Penuturan Cermat	239
Modul Perbualan Kumpulan	240
Alat Perakam	241
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	241
Soal Selidik	241
Ujian Karangan	242
Modul Penuturan Cermat	242
Modul Perbualan Kumpulan	243
Tatacara Kajian	243
Kajian Rintis	243
Kajian Sebenar	245
Penganalisan Data	248
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	255
Persembahan Dapatan	255
Pemindahan Bahasa dalam Penulisan	267
Aspek Ayat Pelajar-pelajar KPT	267
Aspek Ayat Pelajar-pelajar KPR	273
Aspek Leksikal Pelajar-pelajar KPT	282
Aspek Leksikal Pelajar-pelajar KPR	284
Pemindahan Bahasa dalam Pertuturan	289
Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Kumpulan	289
Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Individu	299
Pemindahan Bahasa dalam Bacaan	320
Bacaan Konteks B	320
Bacaan Konteks C	323



	Muka Surat
Bentuk-bentuk <i>Interlanguage</i> dalam Pertuturan	328
Generalisasi Berlebihan	329
Simplifikasi	333
Penyangkalan	337
Hubungan Pemindahan Bahasa dengan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar	340
Ujian Karangan	340
Ujian Lisan	342
Ujian Bacaan	344
Rasional Teori dengan Dapatan Penyelidikan	345
Teori Monitor	345
Teori Analisis Kesilapan	353
Implikasi Dapatan Penyelidikan	357
V RUMUSAN DAN CADANGAN	360
Rumusan	360
Hasil-hasil Perkiraan	360
Pemindahan Bahasa dalam Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun	362
Cadangan Memperbaiki Kelemahan Pembelajaran Bahasa Melayu	366
Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	371
GLOSARI	374
BIBLIOGRAFI	375
LAMPIRAN	
A Kertas Soalan Ujian Bahasa Melayu	392
B Modul Ujian Lisan	
B1 Modul Penuturan Cermat Konteks A: Perbualan Individu	393
B2 Modul Penuturan Cermat Konteks B: Bacaan	394
B3 Modul Penuturan Cermat Konteks C: Inventori Kata	397
B4 Modul Perbualan Kumpulan	400
C Soal Selidik	401
D Data Pemindahan Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	
D1 Markat Ujian Karangan 50 Pelajar KPT dan 50 Pelajar KPR	409

Muka Surat

D2	Markat Perbualan Individu 50 Pelajar KPT dan 50 Pelajar KPR	411
D3	Markat Bacaan 50 Pelajar KPT dan 50 Pelajar KPR	413
D4	Jumlah Markat 100 Pelajar Dusun dalam Ujian Bahasa Melayu dan Markat mata pelajaran bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah para pelajar	415
D5	Perbandingan Dapatan Soal Selidik Pelajar-pelajar KPT dengan KPR	418
E	Pemindahan Bahasa dalam Penulisan, Pertuturan dan Bacaan Para Pelajar	
E1	Pemindahan Bahasa dalam Penulisan Pelajar-pelajar KPT	419
E2	Pemindahan Bahasa dalam Penulisan Pelajar-pelajar KPR	423
E3	Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Kumpulan Pelajar-pelajar KPT	431
E4	Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Kumpulan Pelajar-pelajar KPR	443
E5	Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Individu Pelajar-pelajar KPT	455
E6	Pemindahan Bahasa dalam Perbualan Individu Pelajar-pelajar KPR	471
E7	Pemindahan Bahasa dalam Bacaan Pelajar-pelajar KPT	489
E8	Pemindahan Bahasa dalam Bacaan Pelajar-pelajar KPR	492
F	Bentuk-bentuk Bahasa <i>Interlanguage</i> dalam Pertuturan Bahasa Melayu Para Pelajar	
F1	Bentuk-bentuk <i>Interlanguage</i> dalam Pertuturan BM Pelajar-pelajar KPT	496
F2	Bentuk-bentuk <i>Interlanguage</i> dalam Pertuturan BM Pelajar-pelajar KPR	500
LATAR DIRI		506



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Tahap Telegraf	212
2	Nama Sekolah dan Saiz Populasi Pelajar Dusun di Tingkatan Empat	229
3	Saiz dan Peratus Sampel Kajian	231
4	Bilangan Ayat Bahasa Melayu yang Terlibat dengan Pindahan B1 Mengikut Kumpulan	262
5	Bilangan Kata Pinjaman dan Perubahan Bunyi Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar-pelajar KPT dan KPR	263
6	Kekerapan Percampuran Kod, Penukaran Kod, dan Perubahan Bunyi Kata dalam Perbualan Kumpulan Pelajar-pelajar KPT dan KPR	264
7	Kekerapan Menyebut Kata Bahasa Melayu Mengikut Fonologi Bahasa Dusun	265
8	Kekerapan Bentuk-bentuk bahasa <i>Interlanguage</i> dalam Pertuturan Bahasa Melayu Pelajar-pelajar KPT dan KPR	266

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kawasan Penyebaran Bahasa Dusun di Sabah	12
2	Representasi Abstrak Cara Pemilihan Bahasa	101
3	Kerangka Sesuatu Ayat yang Mengandungi Penukaran Kod	111
4	Tatabahasa Penutur Dwibahasa	118
5	Tatabahasa Penutur Dwibahasa yang Bercampur Kod	124
6	Tiga Model Asas tentang <i>Interlanguage</i>	143
7	Hubungan antara Bahasa Sumber, Bahasa Sasaran, <i>Interlanguage</i> , dan Proses-proses yang Terlibat dengan Pembentukan <i>Interlanguage</i>	145
8	Cara Filter Afektif Beroperasi	190
9	Pembinaan Kreatif dalam Pemerolehan B2	215
10	Kerangka Konsepsi	227
11	Lokasi Kajian di Daerah Papar, Sabah	228
12	Kaedah Introspektif dan Kaedah Analitik	233
13	Carta Peringkat Sistem <i>Interlanguage</i> Pelajar-pelajar Dusun	356

SENARAI SINGKATAN/LAMBANG

lig.	-	ligatur
KPT	-	Kumpulan Pencapaian Tinggi
KPR	-	Kumpulan Pencapaian Rendah
B1	-	Bahasa Ibunda
B2	-	Bahasa Sasaran
>	-	Menjadi
V	-	Verb
VP	-	Verb Phrase
NP	-	Noun Phrase
kp	-	Kata Penegas
X	-	Min
*	-	Tidak Dibenarkan atau Salah
4:9	-	4 tahun 9 bulan
IL	-	<i>Interlanguage</i>
IL 1	-	<i>Interlanguage</i> Pertama
IL 2	-	<i>Interlanguage</i> Kedua
IL n	-	<i>Interlanguage</i> Seterusnya
b	-	Baris
l	-	Lanjur
k.k	-	kekerapan kumpulan
k.i	-	kekerapan individu

Abstrak disertasi yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah.

**PEMINDAHAN BAHASA DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA
MELAYU PELAJAR-PELAJAR DUSUN**

Oleh

NOOR AINA BINTI DANI

JUN 1996

Pengerusi: Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Fakulti: Fakulti Bahasa-bahasa Moden

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk memperinci fenomenon pemindahan bahasa dalam proses pembelajaran bahasa Melayu baku (seterusnya disebut B2) di kalangan pelajar-pelajar suku kaum Dusun di Sabah. Penyelidikan ditadbir ke atas sejumlah 100 pelajar Tingkatan Empat di lima buah sekolah menengah dalam daerah Papar, Sabah. Dapatan penyelidikan diperolehi daripada penulisan karangan, pertuturan lisan, dan ujian bacaan yang dihasilkan dalam kelas-kelas bahasa Melayu.

Keputusan analisis kesilapan ke atas karangan para pelajar menunjukkan bahawa aspek ayat B2, khususnya ayat majmuk paling kerap dipengaruhi pemindahan bahasa. Kebanyakan struktur binaan ayat-ayat tersebut adalah terjemahan literal daripada struktur-struktur ayat bahasa Dusun. Bentuk-bentuk pemindahan bahasa seperti percampuran kod dan penukaran

kod ternyata mempengaruhi pertuturan B2 para pelajar. Namun percampuran kod merupakan bentuk yang dominan. Para pelajar mencampurkan kod B2 mereka sama ada dengan kod bahasa ibunda atau dialek Melayu Sabah. *Interlanguage* seperti generalisasi berlebihan, simplifikasi, dan penyangkalan turut mempengaruhi pertuturan B2 para pelajar, tetapi yang paling ketara ialah generalisasi berlebihan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan peraturan linguistik B2 yang melampaui domain lazim peraturan tatabahasa tersebut. Sebutan pelajar juga didapati menyimpang daripada sebutan bahasa Melayu baku. Penyimpangan sebutan itu berlaku kerana pelajar memindahkan fonologi bahasa Dusunnya ke dalam aspek leksikal B2. Umpamanya, analisis ke atas ujian bacaan para pelajar membuktikan bahawa terdapat kekerapan penggantian bunyi fonem vokal e pepet B2 dengan bunyi fonem vokal /a/. Akibat pemindahan bahasa maka para pelajar sering menggunakan beberapa kata pinjaman daripada bahasa Dusun, dialek Melayu Sabah, dan kata Melayu yang telah diDusunkan. Dengan itu penyelidik merumuskan bahawa pemindahan bahasa memang mempengaruhi pencapaian bahasa Melayu para pelajar.

Cadangan-cadangan yang diajukan oleh penyelidik ialah mengadakan latihan-latihan struktur binaan ayat B2, memaksimumkan komunikasi B2 dalam bilik darjah, mengadakan pertandingan bahasa antara kumpulan, aktiviti-aktiviti lisan, strategi mencari makna kata berdasarkan konteks klu, dan program pendedahan bahasa.



Abstract of the dissertation presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**LANGUAGE TRANSFER IN THE PROCESS OF LEARNING
STANDARD MALAY LANGUAGE AMONG
DUSUN STUDENTS**

By

NOOR AINA BINTI DANI

JUNE 1996

Chairman: Professor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty: Faculty of Modern Languages

This study seeks to find out the phenomenon of language transfer in the process of learning the standard Malay language (otherwise referred to as L2) among ethnic Dusun students in Sabah. Research was carried out on 100 Form Four students from five secondary schools in the district of Papar, Sabah. Research was conducted by making use of students' written compositions, oral communication and reading test produced in the Malay language classes.

Results of the error-analysis on the students' written compositions indicate that language transfer has its greatest influence over the syntactic aspect of L2, specifically in complex sentences. Most of the complex sentences' construction structures is translated literally from the Dusun language sentence structures. Some forms of language transfer such as code-mixing and code switching are apparent in the students' L2 oral communication, but the influence

of language transfer is dominant in code-mixing. The students tend to mix their L2 either with their native language or the Malay dialect of Sabah. Interlanguage such as overgeneralization, simplification and negation are noted to influence the students' L2 oral communication. The most prevailing form of language transfer is overgeneralization. It shows that students use the L2 linguistic rule beyond the normal domain of that rule. It is also found that the students' pronunciation diverge from the standard Malay language. The divergence occurs due to the transference of the Dusun phonological norms into the L2 lexical aspect. For instance, analysis of students' reading test reveals frequent vowel replacement of L2 é with vowel /a/. In consequence of language transfer, students often use words borrowed from the Dusun language, the Malay dialect of Sabah, and the assimilated Malay words in the Dusun language. Therefore, the author concludes that language transfer has a definite influence over the students achievement in L2.

Suggestions put forward in this study include practices on the construction of the L2 sentence structures, maximization of the students' L2 communication inside the classroom, inter-group language competitions, oral activities, learners' strategy in understanding vocabulary by using contextual-clues, and language exposure programmes.



BAB 1

PENDAHULUAN

Kebanyakan pelajar peribumi di negeri Sabah menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh itu, besar kemungkinan bahasa ibunda akan mempengaruhi penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut (Nik Safiah Karim, 1990: 50). Contoh pelajar peribumi Sabah yang berpadanan dengan kenyataan Nik Safiah Karim tersebut ialah pelajar-pelajar kaum Dusun. Unsur-unsur bahasa ibunda dapat dikesan dalam penulisan dan pertuturan bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut. Hal inilah yang akan menjadi pokok perbincangan penyelidikan ini.

Pelajar-pelajar kaum Dusun terdedah secara formal kepada bahasa Melayu apabila bahasa itu menjadi bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negeri Sabah pada tahun 1968 (Ismail Abbas, 1986: 396). Aspek linguistik bahasa Melayu dan bahasa Dusun adalah berbeza. Maka tidak hairanlah jika terdapat unsur-unsur bahasa Dusun dalam karangan bertulis dan pertuturan bahasa Melayu pelajar-pelajar kaum Dusun itu.

Pada hakikatnya, bahasa Dusun di Sabah mempunyai berbagai-bagai dialek. Dialek-dialek itu terdiri daripada dialek Rungus, Tatana, Klias Kadazan, Papar, Bisaya, Kujiau, Kadazan Timur, Mangkaak, Kadazan Pantai, Kadazan Sugut, Minokok, Dusun Utara, Kadazan-Dusun, dan Lotud (Summer Institute of Linguistics Malaysia Branch, 1983: 47-48). Keluarga bahasa Dusun juga mencatat bilangan penutur yang paling ramai, iaitu kira-kira 578,967 orang

berbanding 1, 736, 902 orang jumlah penduduk di negeri Sabah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991: 10). Oleh sebab kaum Dusun itu merupakan penduduk majoriti di Sabah, maka wajarlah penyelidikan dijalankan supaya kelak guru-guru bahasa dapat menangani beberapa masalah pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar tersebut.

Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Melayu di Sabah

Pelaksanaan pendidikan bahasa Melayu di sekolah-sekolah di negeri Sabah bermula pada tahun 1920-an. Antara tahun 1921 dan 1922, beberapa sekolah rendah Melayu telah dibuka di daerah Kota Belud, Papar, Menumbok dan Keningau. Guru-guru Melayu yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang berkenaan dipinjam dari Negeri-negeri Bersekutu di Tanah Melayu (Mok Soon Sang, 1993: 159). Pada masa itu, Syarikat British Borneo Utara telah lama bertapak di Sabah, iaitu sejak tahun 1878 (Solomon, 1989: 10). Sekolah-sekolah vernakular telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Keadaan itu berterusan sehingga meletus Perang Dunia Kedua (Ismail Abbas, 1986: 392). Selepas Perang Dunia Kedua, pihak Inggeris telah menukar dasar pelajarannya di negeri Sabah. Mengikut dasar baru itu, sekolah-sekolah yang berpengantar bahasa Melayu dihentikan setakat darjah lima. Pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi wajib

memasuki sekolah-sekolah berpengantar bahasa Inggeris (Mohd Salleh Lebar, 1988: 104).

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada tanggal 16 September 1963, dasar pelajaran di Sabah telah berubah. Atas dasar serta cita-cita kerajaan negeri Sabah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam jangkamasa 10 tahun selepas merdeka, kerajaan negeri Sabah telah menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Penggunaan bahasa Melayu rasmi telah diperkenalkan secara berperingkat-peringkat (Majin Haji Ajing, 1980: 170). Pada tahun 1970, semua kelas darjah satu mula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menggantikan bahasa Inggeris (Mohd Nor Long, 1982: 90). Menjelang tahun 1975, semua sekolah rendah yang berpengantar bahasa Inggeris ditukar menjadi sekolah rendah yang berpengantar bahasa Melayu.

Pada tahun 1976, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah mula digunakan di kelas-kelas tingkatan satu. Pada tahun 1980 pula, pelajar-pelajar tingkatan lima telah mula menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia menggantikan peperiksaan *Malayan Certificate of Education*. Dua tahun kemudian, pihak Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan menggantikan peperiksaan *Higher School Certificate*. Kementerian Pelajaran turut mengadakan kelas-kelas peralihan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya. Pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah jenis kebangsaan ditempatkan di kelas-kelas

tersebut selama satu atau dua tahun sebelum mereka memasuki tingkatan satu (George, 1981: 513).

Usaha ke arah menghasilkan kurikulum sekolah yang lebih bersepadu bermula pada tahun 1980. Usaha tersebut selaras dengan beberapa perakuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia (1979: 67). Laporan tersebut telah menjadi asas kurikulum baru di peringkat sekolah rendah. Rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah dilaksanakan di semua peringkat di seluruh negara mulai tahun 1983 (Kamarudin Haji Husin, 1989: 1).

Dengan penerangan di atas, adalah jelas proses pengembangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan formal di negeri Sabah sudah melewati tempoh 19 tahun (1976-1996). Sekolah-sekolah yang wujud pada zaman penjajah mencerminkan kuasa, keperluan dan kehendak pendidikan penjajah. Sekolah-sekolah tersebut memenuhi sedikit keperluan pendidikan masyarakat peribumi Sabah (Ibrahim Saad, 1990: 6). Namun secara tidak langsung, bahasa Melayu telah menjadi lambang penyatuan supra-lokal yang mengatasi perbezaan-perbezaan budaya dan etnik (Le Page, 1964: 45). Malah sepanjang tempoh 19 tahun, bahasa Melayu telah mengalami tiga peringkat pengembangan bahasa, iaitu pengabjadan, penyeragaman, dan pemodenan (Ferguson, 1968: 28). Pengabjadan bermaksud usaha mencipta satu sistem ejaan bagi bahasa yang belum mempunyai ejaan. Penyeragaman ialah proses

mengadakan norma-norma umum yang mengatasi sifat-sifat dialek, sama ada sifat-sifat kedaerahan ataupun sosial. Pemodenan pula dihubungkan dengan proses mencapai taraf saling menterjemah dengan bahasa-bahasa lain dalam sebanyak mungkin jenis penggunaan bahasa sesuai dengan keadaan zaman sekarang (Nik Safiah Karim, 1990: 50).

Tiga peringkat perkembangan bahasa yang dikemukakan oleh Ferguson itu memberi kesan kepada pendidikan bahasa Melayu di Sabah. Di peringkat pengabjadan, generasi tua mengenal sistem ejaan Rumi lama manakala generasi muda mengenal sistem ejaan Rumi baharu. Di peringkat penyeragaman, pelajar-pelajar di Sabah kini mengenali norma-norma baku bahasa Melayu. Secara am, mereka mampu berkomunikasi dalam bahasa Melayu walaupun unsur idiolek bahasa ibunda masih menjadi penghalang untuk mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih (Abdul Hamid Mahmod, 1985: 1). Di peringkat pemodenan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berusaha untuk memasukkan beberapa kata bahasa sukuan masyarakat peribumi di Sabah ke dalam kosa kata bahasa Melayu baku. Beberapa contoh kata bahasa Dusun itu ialah *anit* (mengupas), *dugal* (gastrik), *kisus* (putar), *kerop* (bulu mata), *puralan* (garis-garis di tapak tangan), *sigupan* (paip atau alat untuk menghisap tembakau) dan *tuhunan* (bantal) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 7-49).

Asal Usul Kaum Dusun di Sabah

Anggapan bahawa orang-orang Eropahlah yang mula-mula menggelar segelintir penduduk asli di Borneo itu 'Orang Dusun' adalah tidak benar. Orang-orang Eropah telah mendatangi Pulau Borneo hampir 200 tahun yang lampau. Namun kedatangan mereka itu tidak banyak merubah budaya masyarakat tempatan. Tambahan pula pada masa itu tidak ramai orang Eropah yang giat mempelajari bahasa masyarakat tempatan kerana mereka tinggal di dalam kawasan kota-kota yang mereka bina. Yang demikian, hubungan sosial dan interaksi orang-orang Eropah dengan masyarakat tempatan sangat terbatas (Williams, 1965: 7).

Mengikut Bali (1966: 17), istilah 'Dusun' telah dicipta oleh orang-orang Berunai yang memerintah sebahagian daripada negeri Sabah sebelum kedatangan orang-orang Barat. Mereka menggunakan istilah 'Dusun' sebagai rujukan kepada kelompok-kelompok etnik yang suka hidup bersuku-suku (Appell, 1968: 13). Selanjutnya, Appell (1976:1) mengatakan bahawa setiap kelompok etnik yang hidup bersuku-suku itu ditandai oleh perilaku sosio-budayanya yang tersendiri. Dengan itu, istilah 'Dusun' tidak ada sangkut-paut dengan kata Melayu, /Dusun/ yang bermaksud 'kebun buah-buahan' (Ahmad Ongohan, 1977: 8). Yap (1978: 60) pula mengemukakan pendapat yang berlainan. Yap berpendapat penduduk Dusun di Sabah ialah sejenis bangsa Indonesia yang berasal dari Tanah Besar Asia kerana orang-orang Dusun dan

Indonesia menggunakan peralatan pertanian ladang yang sama, iaitu batu dan penugal.

Istilah 'Dusun' yang digunakan di negeri Sabah melibatkan kelompok-kelompok suku Dusun dan Rungus yang menetap di daerah Keningau, Tambunan, Ranau, Ulu Tuaran, Kota Belud, Penampang, dan Papar. Namun suku Dusun di kawasan Penampang dan Papar lebih suka digelar dengan nama 'Kadazan' (Arena Wati, 1978: X).

Perbalahan tentang identiti 'Dusun' dan 'Kadazan' ini pernah terjadi di negeri Sabah. Mengikut Gimfil (1983: 37-38), penduduk di daerah Penampang dan Papar memilih nama 'Kadazan' untuk suku mereka, manakala penduduk di daerah Keningau, Tambunan, Ranau, dan Kuala Penyu mengekalkan identiti 'Dusun'. Penghuni-penghuni di lembangan sungai pula merujuk suku mereka sebagai 'Orang Sungei'.

Krisis identiti suku (sama ada suku 'Dusun' atau 'Kadazan') ini telah lama tercetus di kalangan orang-orang Dusun di Sabah. Pada zaman pemerintahan penjajah Inggeris, tidak ada usaha membetulkan krisis tersebut kerana polisi 'Pecah dan Perintah' pihak penjajah adalah berlandaskan dasar pengasingan kaum. Pada tahun 1950-an, Tun Fuad Stephens dan Dato' Peter Mojuntin berusaha menyatukan berbagai-bagai kelompok etnik di Sabah di bawah satu nama, iaitu 'Kadazan' tetapi tidak berjaya. Usaha mereka gagal kerana istilah 'Kadazan' merupakan satu autonim yang hanya digunakan oleh penutur-

penutur bahasa Dusun di daerah Papar dan Penampang (Glyn-Jones, 1953: 6). Istilah 'Kadazan' sebagai autonim mula tersebar selaras dengan pendaftaran secara rasmi masyarakat Kadazan pada tahun 1953 (Pugh-Kitingan, 1989: 367). Sebilangan besar anggota masyarakat Kadazan itu ialah individu-individu dari daerah Papar dan Penampang di Sabah. Organisasi tersebut bertujuan meningkatkan kebajikan dan taraf pendidikan kaum peribumi di seluruh Sabah (Malakun, 1981: 140). Salah seorang pengasasnya ialah Tun Fuad Stephens. Walau bagaimanapun, suku Rungus dan beberapa suku Dusun masih mahu mengekalkan identiti asal mereka, iaitu 'Dusun'. Malahan di sepanjang kajian Appell (1991: 87) pada tahun 1959-60 dan 1961-63, beliau mendapati kelompok suku Rungus tidak memahami bahasa Kadazan.

Beberapa kaum di Sabah beranggapan istilah 'Kadazan' hanyalah satu tanda keterangan diri kepada satu kelompok etnik di Papar dan di Penampang. Istilah 'Kadazan' yang bertujuan menyatukan semua kelompok etnik di bawah satu naungan dianggap sengaja memberi keistimewaan kepada kelompok yang mengakui diri mereka sebagai 'Kadazan'. Ada juga kelompok-kelompok yang beranggapan istilah 'Kadazan' membawa konotasi makna yang buruk. Sebagai contoh, istilah 'Kadazan' di kalangan suku Rungus membawa makna 'Musuh' pada zaman dahulu. Oleh itu, suku Rungus enggan bersatu dengan kelompok Kadazan. Di kawasan pedalaman Sabah, masyarakat Dusun masih beranggapan istilah 'Kadazan' membawa konotasi identiti etnik.

Kelompok-kelompok etnik yang mendiami kawasan-kawasan bukit di belakang Tuaran serta kawasan yang menghala ke Kota Belud masih mengekalkan identiti 'Dusun'. Di Kudat sahaja, Appell (1991: 88) telah mengenal pasti 15 kelompok Dusun. Appell (1991: 88) berpendapat penggunaan nama 'Dusun' ada kaitan dengan hubungan kelompok-kelompok Dusun di daerah-daerah tersebut dengan orang-orang Islam. Mengikut Prentice (1970: 2) pula, istilah 'Kadazan' pada asalnya ialah rujukan kepada dialek Dusun di daerah Penampang dan Papar. Dialek tersebut adalah yang terulung digunakan oleh para mubaligh Kristian sebagai media pendidikan. Oleh hal yang demikian, dialek tersebut telah mencapai martabat yang tinggi berbanding dialek-dialek Dusun yang lain.

Kekeliruan tentang penggunaan nama 'Dusun' atau 'Kadazan' turut melanda pengkaji-pengkaji linguistik di Sabah. Mereka telah menggunakan terminologi etnik dengan sewenang-wenangnya. Nama asal untuk kelompok etnik yang tertentu telah disalahtafsir dan disabitkan di luar kawasan rujukan asalnya. Misalnya, ahli-ahli *Summer Institute of Linguistics-Malaysian Branch* (seterusnya disebut SIL-MB) sendiri telah melakukan beberapa kesalahan berhubung istilah 'Kadazan' dalam kajian-kajian mereka. Terdapat pengkaji yang menggunakan istilah Kadazan/Dusun, Dusun Pertengahan, Kadazan Pantai, Kadazan Sugut, Kadazan Tambanua, Kadazan Timuran, dan Kadazan Sungai Klias (Spitzack, 1984: 193). Sebagai contoh, dalam satu kajian yang dijalankan oleh SIL-MB, ada dinyatakan mengenai sebuah kampung tempat senarai asal perkataan-perkataan bahasa Kadazan-Tambanua dikumpul.

Namun penutur-penutur bahasa itu kini tidak lagi berfungsi sebagai satu kelompok masyarakat bahasa kerana mereka tinggal berselerak di merata pelusuk kampung (Moody, 1984: 330). Masyarakat tersebut telah menyesuaikan bahasanya dengan bahasa Paitanik yang lebih dominan di kawasan tersebut (Miller, 1984: 52). Di daerah Pitas dan Labuk-Sugut misalnya, masyarakat Kadazan-Tambanua menggelar diri mereka orang Sandayo. Dengan alasan ini, Appell (1991: 89) mengandaikan bahawa Kadazan-Tambanua yang dikatakan telah lenyap bahasanya itu ialah penutur-penutur Sandayo, dan bahasa Sandayo itu pada asalnya ialah bahasa Dusun.

Mengikut Ave dan King (1986: 12), secara rasmi penutur-penutur Dusun masakini dikenali sebagai Kadazan. Namun kenyataan tersebut ditentang oleh Regis (1989: 415) yang mengatakan sebilangan penutur-penutur bahasa Kadazan masih memperkenalkan diri mereka sebagai orang Dusun. Appell (1991: 90) membidas kedua-dua keterangan itu sebagai tidak sah kerana Appell berpendapat pengkaji-pengkaji berkenaan tidak peka dengan kerancuan terminologi etnik di Sabah.

Ada pihak yang berpendapat pengenalan nama 'Kadazan' telah memecahbelahkan perpaduan berbagai-bagai kaum di Sabah. Umpamanya, Gimfil (1983: 37) mengatakan Dusun, iaitu nama asal satu kelompok etnik di Sabah patut dipertahankan kerana Orang-orang Dusun, Kadazan, Bisaya, Orang Sungei, Lotud, dan Murut berasal dari bangsa yang serumpun. Namun apabila dimensi politik dilibatkan untuk mengelaskan suku-suku tersebut,